

PENYEBARAN DIALEK MELAYU DI LANGKAWI : ANALISIS GEOLINGUISTIK

*Nor Hashimah Jalaluddin**

shima@ukm.edu.my

*Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik,
Universiti Kebangsaan Malaysia*

Maizatul Hafizah Abdul Halim

mai_arefyza91@yahoo.com

Harishon Radzi

*Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik,
Universiti Kebangsaan Malaysia*

naslin@ukm.edu.my

Junaini Kasdan

Institut Alam dan Tamadun Melayu

junaini@ukm.edu.my

ABSTRAK

Kajian dialek geografi di Malaysia sebelum ini telah memberikan maklumat taburan dialek secara umum berdasarkan perbezaan fonologi dan leksikal. Kajian tersebut telah menjadi asas kepada kajian geolinguistik pada hari ini. Dalam kajian kali ini, varian leksikal 'daun kari' dan 'daun kesum' dalam dialek Melayu Kedah di Pulau Langkawi telah diteliti. Berasaskan analisis geolinguistik, elemen linguistik telah digabungkan bersama dengan faktor bukan bahasa seperti bentuk muka bumi, persempadanan, migrasi dan sejarah. Seramai 90 orang responden telah dipilih yang terdiri daripada golongan remaja, dewasa dan warga tua. Penganalisan data dilakukan dengan berbantuan perisian *Geographic Information System* (GIS). Kajian ini telah mencapai matlamat yang telah ditetapkan iaitu mengenal pasti penggunaan varian bagi kedua-dua leksikal yang dikaji. Selain itu, perbandingan dan penyebaran setiap varian leksikal tersebut telah berjaya dipetakan dengan bantuan teknik *choropleth*. Seterusnya, penerapan perisian GIS ini telah berjaya membantu menghuraikan faktor geografi yang mempengaruhi pembentukan dan penyebaran varian leksikal di Langkawi. Hasil kajian ini telah dapat membuktikan secara saintifik bahawa kawasan mukim Padang MatSirat, Bohor dan Kuah adalah kawasan asal penutur dialek Melayu Langkawi, manakala Ayer Hangat dan Ulu Melaka mempunyai paling ramai penutur dialek Melayu Satun. Seterusnya, di mukim Kedawang pula terdapat penduduk yang menuturkan dialek Melayu Patani. Penyebaran ini berlaku adalah disebabkan oleh faktor sejarah, geografi dan sosiobudaya. Kajian ini menjadi lebih menarik, sistematik dan meyakinkan kerana disokong dengan kehadiran teknologi GIS dan pendekatan multidisiplin.

Kata kunci : dialek; GIS; varian leksikal; geolinguistik; ruang.

ABSTRACT

The Distribution of Malay Dialects in Langkawi: A Geolinguistic Analysis

Previous studies of geography dialect in Malaysia gave some general informations about the distribution of Malay dialects based on phonological and lexical differences. These works established the basis of geolinguistic study today. The present study examines the realizations of linguistic variants of two lexical items, namely 'curry leaves' and 'kesum leaves' in the dialects of Malay spoken in Langkawi Island. Based on the geolinguistic analysis, linguistic elements is incorporated with non-linguistic features, such as topography, delineation, migration and history. A total of 90 respondents have been selected comprising of teenagers, adults and the elderly. The elicited data are analyzed and processed by the Geographic Information System (GIS) software. The study has accomplished its main objective, that is, to identify the use of linguistic variants of the two lexical items. Additionally, the comparison and distribution of lexical variants of each lexical item have been successfully mapped into chloropleth technic. Consequently, the application of GIS software displays the geographical factors that govern and determine the distribution of those variants in Langkawi. The finding demonstrates that Padang MatSirat, Bohor and Kuah are the native areas of Langkawi Malay, meanwhile in Ayer Hangat and Ulu Melaka most of the respondents speak Satun Malay. Subsequently, in Kedawang district, the people converse in Patani Malay. The distribution of these dialects is determined by historical, geographical and socio-cultural factors. The present study is more elegant, systematic and convincing because it is supported by GIS technology and multidisciplinary approach.

Keywords: dialect; GIS; lexical variants; geolinguistic; spatial.

PENGENALAN

Langkawi menjadi terkenal setelah mendapat taraf bebas cukai pada 1986. Selain terkenal dengan cerita Mahsurinya, Langkawi telah menjadi tumpuan pelancong pelbagai negara yang ingin mengecapi keindahan sembilan puluh sembilan (99) pulaunya yang semula jadi (Langkawi Geopark - Earth's Historic Heritage - <https://www.youtube.com/watch>). Langkawi mempunyai sejarah tersendiri. Pada akhir abad ke-13, serangan yang pertama oleh Siam ke atas Kedah telah berlaku (Worawit Baru, 1999). Maka, bermulalah sejarah kedatangan orang Siam ke negeri Kedah yang menetap di kawasan yang berhampiran dengan sempadan Kedah-Thailand termasuk Langkawi. Masyarakat Siam yang bermigrasi ke Kedah telah bermastautin di kawasan luar bandar. Kawasan seperti di lereng bukit dan banjaran dianggap selamat bagi mereka daripada serangan tentera Thai pada waktu itu (Nor Hashimah 2015). Natiujahnya, kita temui ramai orang Siam di kaki bukit dan banjaran yang dikenali sebagai masyarakat Melayu Patani di Perak dan Melayu Satun di Kedah dan Perlis. Hari ini, masyarakat Siam masih wujud di Langkawi dan membentuk komuniti mereka sendiri. Mereka telah berasimilasi dengan penduduk tempatan malah telah ada perkahwinan campur di antara mereka. Di samping itu, peluang pekerjaan yang meluas di Langkawi telah menarik minat masyarakat Thai berhijrah ke kawasan kajian. Kemudahan pas bulanan untuk masyarakat Thai ke Langkawi dan sebaliknya menjadi faktor pendorong untuk mereka terus berada di bumi Langkawi. Daripada pemerhatian kajian ini, kebanyakan masyarakat Thai bekerja sebagai peniaga kecil, nelayan, tukang rumah dan pekerja restoran. Menariknya istilah orang Thai dan Siam dibezakan oleh taraf warganegara. Orang Thai yang bertaraf warganegara Malaysia, mempunyai anak yang lahir di Malaysia dipanggil orang Siam tetapi jika berwarganegara Thailand dipanggil orang Thai (<https://www.wanista.com>). Lebih khusus lagi orang Siam yang beragama Islam digelar sebagai masyarakat Sam-Sam.

Satu hal yang menarik, berdasarkan pemerhatian, masyarakat Siam yang menetap dan berulang alik dari Thailand ke Langkawi telah menggunakan dialek Melayu Satun dalam perbualan harian mereka. Buktinya, banyak leksikal Melayu Satun yang digunakan oleh masyarakat ini telah dikesan semasa sesi temu ramah dengan responden. Malah ciri fonologi juga dapat dikesan, contohnya penggunaan ekasuku dalam leksikal dan penggunaan vokal belakang separuh luas serta penekanan nukleus pada suku kata akhir. Ini selari dengan pendapat Kamaruddin Esayah (1999) dalam kajiannya mengenai masyarakat Satun dan Perlis. Kamaruddin merakamkan bahawa bunyi vokal belakang luas /ɔ/ sering hadir sebagai nukleus seperti untuk perkataan /tikar/ menjadi [ti.kɔ] serta /bakar/ menjadi [ba.kɔ]. Seterusnya Kamaruddin (1999) menekankan bahawa faktor ketiadaan sistem kelas dalam masyarakat Melayu menyebabkan taraf kedudukan orang Thai adalah setaraf dengan kedudukan penduduk Melayu di luar bandar. Ini memungkinkan pergaulan yang bebas dan komunikasi antara masyarakat Siam dengan masyarakat Melayu Langkawi secara meluas telah menyebabkan asimilasi berlaku. Hal ini telahpun disokong oleh Harishon Radzi et.al. (2012) yang menyatakan bahawa komunikasi yang menggunakan bahasa dilahirkan dalam sesuatu peristiwa bahasa tertentu. Peristiwa bahasa khususnya merujuk kepada kejadian komunikasi yang menggunakan bahasa lisan, iaitu seperti perbualan antara kawan, ahli kelompok tanpa mengira kumpulan majoriti mahupun minoriti. Ini jelas terkesan masyarakat Melayu Siam di Langkawi.

Berdasarkan faktor sejarah dan keadaan keterbukaan Langkawi sebagai kawasan bebas cukai, maka adalah mengujakan untuk dikaji pola taburan dialek Melayu di Langkawi. Tambahan pula, kajian dialek Langkawi oleh Asmah (1993) terlalu umum dan ringkas maka wajarlah satu kajian baharu dilakukan. Kesan pergaulan yang lama di antara masyarakat Melayu Langkawi dengan

Melayu Satun ini, pastinya terbentuk pola taburan dialek dan isoglos yang menarik di Langkawi. Ditambah pula dengan perubahan teknologi hari ini, pastinya dapat membantu menambah baik cara pemetaan dialek dilakukan. Kajian ini telah memanfaatkan kepada penggunaan perisian Sistem Maklumat Geografi (GIS). Teknologi ini digunakan bagi melakar peta, menghuraikan penyebaran bunyi dan membentuk isoglos. Selain GIS, maklumat bentuk muka bumi digabungkan dengan linguistik atau ringkasnya geolinguistik akan difokuskan. Hasil kajian telah memberikan gambaran taburan penutur dialek Melayu Langkawi, dialek Melayu Satun dan yang menarik dialek Melayu Patani yang terdapat di kawasan kajian.

SOROTAN KAJIAN DIALEK

Kepelbagaian dialek yang terdapat di Semenanjung Malaysia telah membuka ruang kepada para sarjana untuk menyelidik dan meneliti secara mendalam lagi dialek-dialek yang terdapat di Malaysia. Kajian dialek yang disorot dikategorikan sebagai kajian dialek umum, kajian dialek geografi dan kajian geolinguistik. Kajian mengenai dialek secara umum untuk dialek Kedah telah dikaji oleh Asmah Haji Omar (1993), James T. Collins (1996) dan Ismail Dahaman (1997). Kajian ini dikategorikan sebagai kajian dialek umum kerana huraian yang dilakukan hanya memberi gambaran taburan dialek secara keseluruhan tanpa meneliti secara khusus kawasan geografi tertentu.

Asmah (1993) telah mengkaji dialek-dialek Melayu di seluruh Malaysia dan dialek Brunei dengan menghuraikan aspek fonologi dan leksikal. Salah satu perbincangan beliau adalah mengenai perbandingan antara dialek Kedah dan dialek Patani di dalam buku ‘Susur Galur Bahasa Melayu (1993). Asmah telah menyenaraikan sejumlah kosa kata dari dialek Kedah kemudian dibandingkan dengan sub-dialek lain seperti sub-dialek Pesisir Kedah, Kedah Utara, Perlis- Langkawi serta perbandingan dengan Patani Baling dan Patani Sik. Asmah telah berjaya menyenaraikan perbezaan bunyi bagi membantu kita mengenali kumpulan sub-dialek tersebut. Manakala, James T. Collins (1996) dalam bukunya “*Wilayah Dialek Kedah: Bukti dari Sumatera Utara*” pula telah membincangkan mengenai pemetaan dialek Kedah dan perbandingan dialek Kedah dengan “bahasa orang laut”. Beliau telah menghasilkan peta lorekan yang memaparkan dialek Kedah dituturkan di pesisiran dan kepulauan tiga negara iaitu negara Malaysia, Indonesia dan Thailand. Seterusnya, Ismail Dahaman (1997) dalam bukunya “*Glosari Dialek Kedah*” pula telah mengumpulkan kosa kata dialek Kedah dan memberikan penghuraian aspek fonologi secara umum. Kandungannya merupakan kosa kata daripada dialek Kedah yang terpilih dan pengutipan data dijalankan secara menyeluruh di negeri Kedah. Penjelasan kajian ketiga-tiga pengkaji ini adalah terhad kepada penyenaian perbezaan bunyi.

Seterusnya, kajian dialek yang kedua ialah kajian dialek geografi. Antara pengkaji tersebut ialah James T. Collins (1983), dalam kajian “*Dialek Ulu Terengganu*” dan beliau telah membuat pemilihan kawasan kajian di persisiran pantai. Manakala, Rohani Mohd Yusoff (2003) telah mengkaji berkenaan dengan “*Dialek Geografi Kuala Kangsar: Satu Kajian Perbandingan*”. Kedua-dua pengkaji ini telah melibatkan kajian varian fonologi dan leksikal yang diuraikan berdasarkan bentuk-bentuk bunyi yang wujud dan dikemukakan huraian berdasarkan kedudukan geografi kawasan kajian. Manakala, kajian dialek geografi Patani telah dilakukan oleh Ruslan Uthai (2011) iaitu buku beliau yang bertajuk “*Keistimewaan Dialek Melayu Patani*”. Penelitian beliau adalah mengenai varian dialek Melayu Patani dengan melibatkan wilayah Pattani, Yala, Songkla dan Naratiwat. Selain itu, Kamaruddin Esayah (1999) juga merupakan salah seorang pengkaji dialek geografi yang mengkaji mengenai dialek Melayu Thai. Kajian beliau bertajuk “*Perbandingan Fonologi Dialek Melayu Satun dengan dialek Melayu Perlis*” iaitu beliau telah

memilih wilayah Satun dan sempadan Perlis sebagai kawasan kajian dan menghuraikan sedikit tentang ciri dialek Melayu Satun dan Perlis.

Seiring dengan perkembangan teknologi, kini terlihat ramai sarjana luar dan tempatan giat menjalankan kajian dialek berbantuan *Geographic Information System* (GIS) yang dikenali dengan kajian geolinguistik. Kajian geolinguistik ini telah dilakukan oleh Teerarojanarat dan Tingsabadh (2011) dan Onishi (2010). Teerarojanarat dan Tingsabadh (2011) telah meneliti varian leksikal dialek Thai. Penelitian dialek tersebut telah diaplikasikan dengan menerapkan teknologi GIS yang berjaya membentuk isoglos dialek kawasan berdasarkan kaedah *overlay*. Onishi juga telah membentuk isoglos berdasarkan varian populasi dialek yang disimbolkan di dalam peta dengan bantuan sistem maklumat geografi ini melalui teknik *choropleth*. Pengkaji tempatan juga tidak ketinggalan meneroka teknologi GIS ke dalam bidang kajian linguistik. Nor Hashimah Jalaluddin et al (2013, 2016), Nor Hashimah (2015), mula mengkaji varian leksikal dialek di Perak mengikut persempadanan daerah dan telah menghasilkan satu peta taburan kata ganti nama (KGN) bagi kawasan Perak Utara, pesisir Sungai Perak dan juga penyebaran dialek Melayu Patani di Perak utara.


Secara keseluruhan, kajian dialek umum yang dilakukan oleh Asmah (1985), James T. Collins (1996) dan Ismail Dahaman (1997) lebih kepada pendeskripsian secara umum dan melibatkan dapatan yang berfokuskan aspek kebahasaan seperti varian fonologi dan leksikal. Manakala, kajian Collins (1983) dan Rohani Mohd Yusof (2003) Ruslan Uthai (2011) dan Kamaruddin Esayah (1999) dilihat lebih khusus. Namun begitu, masih terdapat ruang untuk penambahbaikan kerana penjelasan kajian mereka berkenaan faktor geografi diperjelaskan secara umum tanpa melibatkan bukti paparan peta yang lebih sahih. Hal ini kerana, dapatan peta yang dikemukakan oleh pengkaji-pengkaji tersebut lebih bersifat impresionistik iaitu peta dilorekkan berdasarkan rujukan sendiri. Hal ini memperlihatkan paparan peta yang dikemukakan tersebut tidak realistik dan tidak tepat kerana peta tersebut dihasilkan tanpa bantuan teknologi. Selain itu, keterbatasan maklumat kawasan geografi atau topografi dalam paparan peta yang dikemukakan telah menyebabkan pengkaji-pengkaji terdahulu kurang memberi perhatian terhadap faktor muka bumi, migrasi, sejarah dan demografi yang menjadi faktor penyumbang kepada pembentukan dialek. Hal ini berbeza dengan hasil paparan peta yang dikemukakan oleh teknologi GIS. Seperti kajian yang telah dilakukan oleh Nor Hashimah (2015) iaitu "*Penyebaran Dialek Patani di Perak: Analisis Geolinguistik*" telah memberikan jawapan mengapa dialek Patani hanya hadir di satu-satu kawasan dan bagaimana dialek Patani dapat berasimilasi dengan dialek tempatan. Begitu juga huraian Teerarojanarat dan Tingsabadh (2011) mengenai kuatnya pengaruh bahasa standard Thai yang mula menular ke kawasan pedalaman kesan dari pengaruh media massa dan persekolahan. Hal ini telah menjadikan kajian mereka suatu kajian yang menarik, bersifat saintifik dan berwibawa. Perkara yang sama turut diujahkan oleh Mokhtar (2012) bahawa perisian GIS ini mampu diaplikasikan ke dalam bidang lain yang tidak terhad kepada bidang geografi semata-mata. Justru kesahihan GIS dalam memetakan taburan dialek dengan tepat, maka kajian ini akan meneruskan kajian geolinguistik sehingga terhasilnya isoglos taburan dialek Melayu di Langkawi.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini melibatkan kajian lapangan iaitu pengutipan data primer yang diperoleh terus daripada responden. Kaedah kajian ini merupakan penyelidikan yang bersifat '*explanatory*' iaitu kajian yang melibatkan pemerhatian/pengutipan data yang dapat dihuraikan dengan penjelasan yang teliti. Kaedah ini merupakan ciri penyelidikan yang dikemukakan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2006). Kaedah penyelidikan ini lebih mempertaruhkan aspek kesaintifikan yang menerapkan

pendekatan yang bersesuaian dan dapat dijelaskan dengan analisis yang tuntas. Justeru itu, perancangan dari segi pengutipan mahupun pengolahan data telah dilakukan dengan teliti bagi memperoleh hasil yang terbaik. Kajian telah dilakukan di Pulau Langkawi. Sebanyak enam mukim di Langkawi telah dikaji iaitu, mukim Kuah, mukim Padang MatSirat, mukim Kedawang, mukim Bohor, mukim Air Hangat dan mukim Ulu Melaka. Responden adalah terdiri daripada penutur natif dialek Kedah di Langkawi dan penutur Siam yang telah bermastautin di kawasan kajian. Penutur Siam yang bermastautin dimaksudkan ialah komuniti yang dikenali juga sebagai komuniti Sam-Sam. Noriah Mohamed dan Omar Yusoff (2010) menyatakan bahawa komuniti ini merupakan hasil daripada perkahwinan campur antara Melayu dengan Siam dan Cina dengan Siam. Manakala, Archaimbault (1957) pula menyatakan bahawa terdapat dua jenis komuniti Sam-Sam iaitu Sam-Sam Siam dan Sam-Sam Melayu. Sam-Sam Siam ialah warga Thailand yang beragama Buddha, manakala Sam-Sam Melayu pula ialah warga Thailand yang beragama Islam. Namun, dalam kajian ini pengkaji telah memilih komuniti Sam-Sam Melayu sebagai responden kajian.

Pemilihan responden terdiri daripada tiga golongan iaitu golongan muda (berumur 15-25 tahun), golongan dewasa (berumur 26-49 tahun) dan golongan warga tua (berumur 49-50 tahun dan ke atas). Jumlah responden yang terlibat dalam kajian ini ialah seramai 90 orang responden bagi 18 buah kampung yang dipilih. Langkawi masih diliputi dengan hutan tebal, maka pemilihan responden yang seramai 90 orang ini tertumpu hanya kepada 18 titik kampung yang telah dikenal pasti ini. Kampung ini dipilih mengikut titik kampung dalam peta berpandukan GPS (*Global Positioning System*) dan dikukuhkan lagi dengan bantuan penghulu kampung bagi memastikan pengkaji mendapat responden yang sah. Maklumat kampung dan maklumat geografi kawasan kampung tersebut juga tidak diabaikan dalam proses pengumpulan data. Selain itu, pengkaji turut mendapatkan data bergambar persekitaran dan muka bumi kawasan yang dikaji. Cara kaedah pengutipan yang sama turut dikemukakan oleh Mohd Tarmizi Hasrah, Shahidi A.H & Rahim Aman (2013), dalam perubahan dialek Hulu Tembeling, Pahang. Cuma kajian mereka lebih kepada analisis fonologi dan cuba mencari kekerabatan bahasa sedangkan kajian ini lebih kepada kajian geolinguistik. Peta 1 di bawah adalah peta kawasan kajian di Langkawi.



Peta 1: Mukim dan kawasan kajian di Langkawi


Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih leksikal /daun kari / dan /daun kesum/. Pemilihan kedua-dua leksikal ini kerana di Langkawi /daun kari/ dan /daun kesum/ merupakan antara dua jenis bahan yang kerap digunakan dalam masakan. Tambahan lagi, menurut Norzalita dan Ahmad Azmi (2004) Langkawi terkenal dengan masakan laksa dan gulai kari yang menggunakan kedua-dua jenis daun tersebut. Buktinya, terdapat warung jualan laksa yang popular terdapat di Pantai Chenang, Langkawi. Kawasan ini merupakan kawasan tarikan pelancong yang sangat strategik dan pelancong yang melancong ke Langkawi pasti akan ke kawasan ini. Di samping itu kedua-dua leksikal ini menunjukkan kutipan varian yang tinggi, masing-masing mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) varian. Ini mengukuhkan lagi kepada kenapa leksikal ini dipilih.

PERBINCANGAN

Faktor sejarah, migrasi, ekonomi dan bentuk muka bumi telah menjadi faktor pendorong kepada wujudnya varian dialek Melayu Satun di Langkawi. Ditambah pula dengan kedudukan Pulau Langkawi yang bersempadan dengan Selatan Thailand, kemudahan mendapatkan pas pelawat bulanan telah menyebabkan pergerakan masyarakat Thai ke Langkawi dan sebaliknya menjadi sangat mudah. Kekayaan sumber alam dan peluang pekerjaan yang banyak di Langkawi telah menarik minat masyarakat Thailand terutama Melayu Satun berhijrah ke Pulau Langkawi. Jabil & Hussaini (2012) ada menyatakan berkenaan persekitaran geografi fizikal di Langkawi mempunyai keunikan ciri geografi dan sumber alam yang mewah iaitu terdapatnya selat seperti Selat Melaka, Selat Chinchin, Selat Panchur dan Selat Peluru. Seterusnya, Pulau Langkawi dikelilingi dengan pantai dan sungai iaitu dikelilingi oleh Pantai Chenang, Pantai Kok, Pantai Pasir Hitam, Pantai

Pasir Tengkorak, Pantai Tengah, Pantai Syed Omar, Pantai Kuah, Pantai Teluk Yu, Pantai Datai, Pantai Beringin, Sungai Kuah, Sungai Kisap, Sungai Menghulu, Sungai Ulu Melaka, Sungai Kelibang dan Sungai Kilim. Ini semua menjadikan pulau Langkawi terlindung daripada tiupan angin kencang dan sesuai menjadi pusat perikanan. Ramai masyarakat Thai yang datang dan bekerja sebagai nelayan sebagai sumber pendapatan mereka. Yang menariknya mereka bertutur bahasa Melayu Satun dan akhirnya berjaya berasimilasi dengan masyarakat tempatan.

Nor Hashimah (2015) menegaskan bahawa bentuk muka bumi dan ruang merupakan salah satu faktor kepada penyebaran dialek iaitu seperti kawasan tinggi yang berbukit dan bergunung serta kawasan rendah dan bertanah pamah. Kajian ini akan mengukuhkan pendapat Nor Hashimah (2015) bahawa pentingnya bentuk muka bumi dalam membantu penyebaran dialek di sesuatu kawasan itu. Berikut merupakan paparan peta bentuk muka bumi di kawasan kajian Pulau Langkawi.



Peta 2: Bentuk muka bumi di kawasan kajian.

Berdasarkan peta 2 di atas, jelas menunjukkan bahawa kawasan mukim Kedawang adalah berbukit dan bergunung-ganang. Kedawang juga merupakan tempat penanaman getah. Di situ terdapatnya Gunung Raya dan Gunung Mat Chincang, manakala kawasan mukim Bohor dan Ulu Melaka adalah kawasan tanah rata dan tiada kawasan tanah tinggi. Begitu juga bagi kawasan mukim Padang Matsirat, mukim Kuah dan mukim Ayer Hangat yang merupakan kawasan lapang dan hanya terdapat beberapa gunung sahaja di kawasan tersebut. Namun, jika diperhatikan dalam peta tersebut majoriti kampung di kawasan kajian tidak menetap berdekatan dengan gunung kecuali di kawasan mukim Kedawang. Keadaan muka bumi ini akan memberi input kepada pola penyebaran dialek ini di Langkawi. Muka bumi ini juga yang akan menjelaskan mengapa sesetengah dialek berada di satu kawasan dan tidak wujud di kawasan yang lain.


Leksikal ‘daun kari’

Taburan varian bagi leksikal ini dapat diperhatikan dari paparan peta yang dihasilkan dengan pengaplikasian GIS berdasarkan jadual seperti di bawah :

Jadual 1 : Taburan Penggunaan Varian Leksikal /daun kari/ di Langkawi.

Leksikal	L1	L2	L3	L4	L5	L6	L7
Mukim	da ^w on kaɤi	da ^w on kəɤapɔɛ	da ^w on kaɤipɔɛ	da ^w n kəpɔɛ	da ^w n pɔɛ- pɔɛ	da ^w n kayapɔɛ	da ^w n gulai
Padang Matsirat	10%	38%	52%	0%	0%	0%	0%
Bohor	21%	13%	53%	0%	0%	0%	13%
Kedawang	18%	0%	23%	0%	14%	36%	9%
Ayer Hangat	17%	4%	22%	22%	30%	0%	4%
Ulu Melaka	16%	0%	8%	24%	44%	0%	8%
Kuah	17%	21%	38%	8%	12%	0%	4%

Taburan data ini seterusnya dijadikan input kepada perisian GIS dan seterusnya ditandakan mengikut *chloropleth*. Penandaan *chloropleth* penting demi ketepatan penyebaran dialek bagi titik kampung yang terlibat. Maknanya jika di mukim Ayer Hangat ada enam 6 varian maka teknik ini dapat mewarnakan varian yang ditemui di titik kampung dengan tepat. Dalam mukim Ayer Hangat, kita temui empat (4) varian bagi daun kari di Kg. Padang Lalang dan dua (3) varian di Kg. Teluk Yu (lihat *chloropleth* dalam peta 3 di bawah). Kehadiran varian [da^won kaɤi] di kedua-dua kampung dikira sebagai satu. Di kawasan ini, daripada tujuh (7) varian yang ada di Langkawi, [da^wn kayapɔɛ] tidak ditemui.



Peta 3: Taburan Leksikal /daun kari/

Berdasarkan paparan jadual dan peta di atas, dapat dilihat penggunaan leksikal ‘daun kari’ di setiap kampung dan mukim dengan varian yang ditemui. Leksikal [da^won kaɤi] sememangnya

digunakan dalam dialek mahupun subdialek Melayu. Justeru itu, tidak mustahil kenapa varian ini digunakan di setiap mukim di Pulau Langkawi. [daʷon kaɽi] juga merupakan varian standard yang dipelajari daripada sekolah dan media massa. Manakala leksikal [daʷon kaɽipɔɭ] merupakan varian yang dominan digunakan di mukim Padang MatSirat, Bohor dan Kuah. Kewujudan leksikal [daʷon kaɽipɔɭ] akan diikuti dengan leksikal [daʷon kəɽapɔɭ] untuk ketiga-tiga mukim ini. Leksikal ini boleh dikatakan merupakan leksikal asal dialek Kedah di Langkawi. Hal ini kerana, sejarah ada menyatakan bahawa pada dahulunya mukim Padang Matsirat merupakan kawasan beraja dan menjadi tempat pemerintahan. Selain itu, pembuktian sejarah menunjukkan berlakunya perebutan beras di kawasan Kampung Raja, mukim Padang Matsirat sehingga berlakunya peperangan antara kerajaan Siam ke atas Langkawi dan kini tinggallah sejarah “beras terbakar” di kawasan ini (<http://sasterarakyat-kedah.com>). Oleh itu, tidak dapat dinafikan lagi bahawa kawasan ini telah menggunakan dialek Kedah asli dalam pertuturan harian mereka. Selain itu, terdapat segelintir penduduk di Kampung Raja dan Kampung Atas, mempunyai keturunan diraja. Ini dikesan daripada nama yang dimulai dengan ‘Ku’ contohnya Ku Intan binti Ku Jaafar. Malah secara linguistiknya, bunyi /r/ bertukar menjadi /ɾ/ adalah lazim dalam dialek Kedah (Asmah 1993). Ini menguatkan lagi bahawa mukim Padang MatSirat mempunyai ramai penutur asli dialek Langkawi.

Seterusnya, kita boleh kesan persebaran leksikal [daʷon kaɽipɔɭ] dan [daʷon kəɽapɔɭ] ke kawasan mukim Bohor. Hal ini berlaku kerana bentuk muka bumi Bohor merupakan kawasan yang lapang dan tiada kawasan tanah tinggi. Oleh itu, kawasan ini mudah menerima leksikal yang digunakan di kawasan Padang Matsirat. Seperti penerangan sebelum ini, kawasan mukim Padang Matsirat merupakan pusat pentadbiran pada ketika dahulu yang mana kawasan ini sepenuhnya telah menggunakan dialek Melayu Kedah. Justeru itu, terjawablah segala persoalan mengenai penyebaran dialek yang berlaku di kawasan ini. Penyebaran ke Bohor inilah yang dikatakan faktor ruang atau *spatial*. Tiada penghalang tanah tinggi yang boleh menyekat persebaran varian itu ke Bohor. Kita perhatikan mukim Ayer Hangat menerima sedikit pengaruh daripada Padang MatSirat, iaitu sebanyak 22% juga kerana faktor ruang. Ayer Hangat ramai diduduki oleh masyarakat Melayu Langkawi dan Melayu Satun. Bahagian Ayer Hangat yang berjiran dengan Padang MatSirat (lihat peta 1) lebih condong menggunakan dialek Melayu Langkawi manakala bahagian Ayer Hangat yang bersempadan dengan Ulu Melaka lebih banyak menggunakan dialek Melayu Satun.

Bagi mukim Kuah pula, penggunaan dialek Melayu Langkawi yang tinggi mempunyai pewajaran yang tersendiri. Kuah telah pun menjadi tempat pentadbiran dan terletaknya kemudahan awam seperti hospital, pejabat pentadbiran dan sebagainya. Kawasan ini menjadi pusat bandar bagi kawasan Pulau Langkawi menggantikan Padang MatSirat. Secara tidak langsung, kawasan ini menjadi tempat berkumpulnya masyarakat asli Langkawi kerana terdapatnya peluang pekerjaan di kawasan tersebut. Secara tidak langsung, varian ini turut tersebar di Kuah. Oleh itu, terbukti bahawa leksikal [daʷon kaɽipɔɭ] dan [daʷon kəɽapɔɭ] merupakan leksikal sebenar bagi dialek Melayu Kedah di Langkawi. Pada masa yang sama ia menunjukkan bahawa mukim Padang MatSirat, mukim Kuah dan Mukim Bohor merupakan kawasan asli bagi dialek Melayu Kedah di Langkawi.

Varian yang keempat ialah [daʷn kəpɔɭ] yang diwakili dengan simbol . Jika diperhatikan dalam peta 3 di atas, leksikal ini akan bergandingan dengan leksikal [daʷn pɔɭ-pɔɭ] yang ditandai dengan simbol  dan [daʷn gulai] iaitu diwakili dengan simbol . Ruslan Uthai (2011) ada membahaskan mengenai persebaran kata ekasuku dalam dialek Melayu. Beliau menyatakan

bahawa penggunaan kata ekasuku semakin dominan bagi dialek Melayu yang dipengaruhi oleh bahasa yang ekasuku. Tidak hairanlah terdapat banyak jumlah kata ekasuku, terutamanya leksikal Melayu dalam dialek-dialek Melayu yang dituturkan di negara Thai ini terpengaruh oleh bahasa kebangsaannya, bahasa Thai. Contohnya seperti leksikal [nɛ] untuk ‘enam’, [ɛ] untuk ‘air’, [kɔe] untuk ‘kail’ dan sebagainya. Malah dalam buku beliau juga ada memaparkan data ‘daun’ yang mengalami pemendekan bunyi bertukar menjadi [dɔʷn]. Ini turut disokong oleh Asmah (1993) apabila mengulas mengenai dialek Patani Baling dan dialek Patani Sik. Asmah menegaskan bahawa terdapat proses monoftong dan pemendekan suku kata dalam dialek Melayu Siam ini. Oleh itu, jelaslah bahawa ketiga-tiga leksikal ini mempunyai pengaruh daripada bahasa Thai. Penyingkatan suku kata terlihat daripada [dɔʷn kəɣapɔɛ] ke [dɔʷn kəpɔɛ], kemudian dipendekkan lagi menjadi [dɔʷn pɔɛ-pɔɛ]. Pemendekan [dɔʷon] kepada [dɔʷn] jug akesan daripada pemendekan suku kata. Inilah bukti kehadiran dialek Melayu Satun di Langkawi, iaitu berlaku pemendekan suku kata yang ketara bagi ‘daun kari’. Sebagai bukti, leksikal [dɔʷn pɔɛ-pɔɛ] merupakan leksikal yang paling dominan digunakan di mukim Ayer Hangat dan Ulu Melaka iaitu yang dilambangkan dengan simbol . Kampung ini memang menjadi pertempatan masyarakat Melayu Satun sejak dahulu lagi.


Satu dapatan menarik dengan ‘daun kari’ ialah wujudnya leksikal [dɔʷn kəɣapɔɛ] yang tersebar di kawasan mukim Kedawang. Leksikal ini merupakan leksikal dari dialek Melayu Patani kerana mempunyai ciri-ciri dialek Melayu Patani. Ruslan Uthai (2011) ada membincangkan mengenai perpisahan dialek Melayu Patani dengan dialek Melayu Satun iaitu dari segi perubahan bunyi dan kosa kata. Bunyi yang memisahkan antara dua dialek ialah konsonan /r/ pada awal suku kata dalam bahasa Melayu standard. Dalam dialek Melayu Patani, /r/ pada awal suku kata akan berubah menjadi [ɣ] manakala, dalam dialek Melayu Satun berubah menjadi [ɤ]. Contohnya, dalam bahasa Melayu Standard ‘cari’ dan ‘rata’ menjadi [tʃaɾi] dan [ɾatɔ] dalam dialek Melayu Patani. Manakala, dalam dialek Melayu Satun, leksikal tersebut menjadi [tʃaɤi] dan [ɤatɔ]. Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa di kawasan mukim Kedawang terdapat pengaruh dialek Melayu Patani.

Hal ini diperkukuhkan lagi dengan pernyataan Nor Hashimah (2015) dalam kajiannya mengenai dialek Patani yang menghuraikan mengenai kekejaman askar Thai yang menyebabkan masyarakat Patani berada dalam ketakutan dan kegelisahan. Oleh itu, masyarakat ini telah bertindak untuk melarikan diri ke kawasan yang selamat untuk berlindung seperti di kawasan bukit dan gunung. Hal ini kerana, mereka beranggapan bahawa kawasan tersebut bebas daripada tentera Thai dan tidak hairanlah jika terdapat penghijrahan orang Patani di kawasan mukim Kedawang. Menurut Kamaruddin Esayah, (1999) aktiviti ekonomi bagi masyarakat Thai adalah bergantung kepada bidang pertanian iaitu seperti melakukan kerja menoreh getah, menanam buah-buahan, bersawah padi dan bekerja di ladang kelapa sawit selain nelayan. Justeru bentuk muka bumi di Kedawang yang berbukit telah menarik minat penghijrahan masyarakat Patani di kawasan tersebut dan menjadi penoreh getah. Ini disahkan lagi oleh kajian Nor Hashimah (2015) yang menunjukkan ramainya orang Patani yang tinggal di kaki gunung di Lenggong dan Grik dan bekerja sebagai penoreh getah. Ini berbeza dengan Melayu Satun yang lebih memilih menjadi nelayan

LEKSIKAL DAUN KESUM

Jadual 2 : Taburan Penggunaan Varian Leksikal 'daun kesum' di Langkawi

Leksikal	L1	L2	L3	L4	L5
Mukim	da ^w on kəsom	da ^w on ʃənehom	da ^w n ʃənəyom	da ^w n ʃanhum	da ^w n laʔ'so
Padang Matsirat	14%	86%	0%	0%	0%
Bohor	36%	50%	0%	0%	14%
Kedawang	19%	19%	50%	0%	12%
Ayer Hangat	29%	24%	0%	35%	12%
Ulu Melaka	16%	5%	0%	47%	32%
Kuah	22%	50%	0%	17%	11%



Peta 4: Taburan Lesikal 'Daun Kesum'

Jadual 2 dan peta 4 adalah pola taburan leksikal 'daun kesum'. [da^won kəsom] merupakan varian standard. Varian ini ditemui di semua kawasan kajian. Leksikal [da^won ʃənehom] pula yang ditandai dengan simbol  merupakan leksikal asal bagi dialek Kedah di Langkawi. Hal ini kerana, jika diperhatikan dalam peta di atas jelas menunjukkan bahawa leksikal ini telah digunakan sepenuhnya di kawasan mukim Padang Matsirat, Bohor dan Kuah. Penjelasaannya serupa dengan penyebaran 'daun kari'.

Manakala varian leksikal [da^wn ʃanhum] hanya digunakan di kawasan Ulu Melaka, Ayer Hangat dan Pulau Tuba. [da^wn ʃanhum] merupakan leksikal yang mempunyai pengaruh dialek Melayu Satun. Hal ini kerana, dialek ini cenderung menggugurkan suku kata yang disebabkan pengaruh bahasa Thai yang banyak menggunakan ekasuku. Malahan, Ruslan Uthai (2011) ada menegaskan mengenai gejala pemendekan kata dalam pertuturan sudah menjadi tabiat bagi penutur dialek Melayu Thailand sekarang. Begitu juga untuk leksikal [da^wn laʔ'so] yang dikatakan mempunyai pengaruh dialek Melayu Satun. Pertama, berlaku pemendekan kata daripada [da^won] menjadi [da^wn]. Kedua, berlakunya tekanan suara pada suku kata kedua yakni suku kata akhir sementara

tekanan lemah berlaku terhadap suku kata yang pertama (Kamaruddin, 1999). Contohnya, daripada input /laksa/ menjadi output [laʔ'so].

Varian yang seterusnya ialah leksikal [daʷn tʃənəyɔm] yang ditandai dengan simbol . Leksikal [daʷn tʃənəyɔm] merupakan leksikal yang menerima pengaruh daripada dialek Melayu Patani. Ini kerana, leksikal tersebut mempunyai ciri fonem vokal belakang separuh rendah, /ɔ/ di suku kata akhir yang dimiliki oleh dialek Melayu Patani seperti yang dinyatakan oleh Ruslan Uthai (2011). Sehubungan dengan itu, pengaruh dialek Melayu Patani jelasnya telah wujud di kawasan komuniti masyarakat Melayu Langkawi yang hakikatnya mempunyai ciri dialek yang tersendiri dan berbeza dengan dialek Melayu Satun.

PENGARUH PEMBENTUKAN VARIAN LEKSIKAL

Kewujudan pelbagai varian bagi 'daun kari' dan 'daun kesum' ini jelas memperlihatkan bahawa wujudnya kerencaman dialek di satu-satu kawasan seperti dialek Melayu Langkawi, Melayu Patani, Melayu Satun dan bahasa standard di kawasan kajian. Antara faktor wujudnya pelbagai varian di satu-satu kawasan adalah disebabkan oleh persempadanan, bentuk muka bumi dan ruang (*spatial*) serta migrasi. Berikut merupakan keterangan lanjut berkenaan faktor wujudnya kepelbagaian varian di kawasan kajian:

BENTUK MUKA BUMI DAN RUANG (SPATIAL)

Bentuk muka bumi dan ruang turut mempengaruhi kepada penyebaran dialek bagi kedua-dua leksikal yang dikaji. Menurut Nor Hashimah (2015), Nor Hashimah et.al (2016) pembentukan varian leksikal dalam satu-satu dialek atau bahasa turut dipengaruhi oleh faktor geografi sesebuah kawasan. Berdasarkan analisis dan dapatan kajian yang telah diperolehi, ternyata faktor geografi kawasan telah mendorong kepada wujudnya kepelbagaian dalam pembentukan varian leksikal dalam sesebuah dialek atau bahasa. Nor Hashimah turut menjelaskan berkenaan keadaan tanah pamah dan rata di satu-satu kawasan telah menjadi jalan penghubung utama masyarakat untuk komunikasi. Hal ini juga telah menjadikan kawasan tersebut sebagai kawasan tumpuan dan sekaligus telah menyumbang kepada penyebaran dialek.

Perkara yang sama pernah diketengahkan dalam kajian Norlisafina (2014) yang menyatakan faktor geografi kawasan telah mendorong kepada kepelbagaian dalam pembentukan varian leksikal. Buktinya, dapatan beliau menunjukkan bahawa masyarakat yang tinggal di pesisir sungai yang menjadi tapak pertembungan aktiviti dan berlakunya interaksi antara masyarakat telah berjaya mengemukakan hasil dapatan varian leksikal kata ganti nama diri pertama, kedua dan ketiga. Begitu juga dalam kajian ini, pengkaji mendapati bahawa wujudnya kepelbagaian varian leksikal di kampung Padang Lalang di Ayer Hangat yang menunjukkan wujudnya penutur dialek Melayu Satun di kawasan tersebut. Fenomena ini berlaku disebabkan kedudukan kampung tersebut yang berada di kawasan tanah pamah, tidak dikelilingi kawasan berbukit dan bergunung serta merupakan kawasan yang bersempadanan dengan wilayah Satun. Sehubungan dengan itu, ianya menjadi kawasan tumpuan masyarakat Melayu Satun. Natiujahnya, maka wujud kepelbagaian varian leksikal di kawasan tersebut. Berbeza dengan kampung Teluk Yu yang masih dalam mukim Ayer Hangat tetapi tidak menunjukkan wujudnya dialek Melayu Satun. Ini kerana Kg. Teluk Yu terpisah dari Kg. Padang Lalang oleh Teluk Yu. Sebaliknya Kg. Teluk Yu banyak menerima pengaruh dari Padang MatSirat berbanding Kg. Padang Lalang. Hal ini kerana kawasan tersebut telah dihalang oleh Teluk Yu. Hal ini telah menyebabkan dialek Melayu Satun tidak tersebar ke kawasan tersebut.

Keadaan ini juga berlaku di kawasan Pulau Tuba di mukim Kuah. Pulau ini merupakan pulau yang selamat daripada tiupan angin kencang. Di sini ramai nelayan berasal dari Satun bermastautin dan berulang alik untuk mencari rezeki. Komuniti ini juga dikenali sebagai masyarakat Melayu Sam-Sam. Berdasarkan hasil temubual dengan responden di Pulau Tuba, ia mengesahkan bahawa masyarakat Melayu Satun ini telah lama melakukan aktiviti perikanan di pulau ini. Malah, mereka telah membina penempatan sementara di Pulau Tuba, khususnya di kawasan Lubuk Cempedak.



Gambar 1: Temubual bersama masyarakat Sam-Sam di Pulau Tuba

Berbeza dengan mukim Kuah iaitu di Kampung Bakau dan Kampung Padang Lunas yang tidak mempunyai penutur dialek Melayu Satun. Hal ini berlaku kerana mukim Kuah merupakan kawasan pentadbiran bagi daerah Pulau Langkawi. Seperti keterangan oleh Kamal Kamaruddin et.al. (2011) menyatakan penghijrahan komuniti Sam-Sam ke Tanah Melayu adalah di kawasan luar bandar. Salah satu sebab perkara ini berlaku kerana kawasan tersebut merupakan kawasan yang lebih selamat untuk melindungi diri dari ancaman tentera Thai ketika dahulu.

Selain itu, Noriah dan Omar (2010) dalam kajian mereka berkenaan komuniti Sam-Sam di utara Semenanjung Malaysia ada menyatakan di Langkawi telah wujudnya komuniti ini. Pengkaji ini turut memberikan salah satu ciri Sam-Sam yang menonjol iaitu usaha mereka untuk menjadi Melayu seboleh-bolehnya tetapi menekankan hubungan kekeluargaan, ikatan emosi, bahasa dan agama dengan Thailand atau dengan kata lain kekal sebagai orang Thai. Namun begitu, untuk memperoleh kehidupan yang lebih baik mereka berhasrat untuk mendapatkan kewarganegaraan Malaysia dan terus menetap di Langkawi sebagai nelayan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa Pulau Tuba merupakan sebuah pulau dan dikelilingi oleh perairan. Oleh itu, tidak mustahil kawasan ini terdapatnya komuniti Sam-Sam yang menjadi nelayan di kawasan tersebut.

PERSEMPADANAN

Persempadanan Pulau Langkawi dapat dilihat dalam paparan peta 6 di bawah. Seperti sedia maklum bahawa Pulau Langkawi bersempadan dengan Selatan Thailand iaitu di sebelah timur Langkawi. Disebabkan persempadanan ini, maka dengan mudahnya penghijrahan masyarakat Melayu Siam masuk ke Pulau Langkawi. Buktinya, kampung Padang Lalang di mukim Ayer Hangat telah wujudnya penutur yang menuturkan dialek Melayu Satun. Malah telah wujud juga

masyarakat Patani di mukim Kedawang. Hal ini dapat dibuktikan berdasarkan kehadiran ciri penyebutan vokal di suku kata akhir leksikal ‘daun kesum’ yang dituturkan di kawasan mukim Ayer Hangat, Ulu Melaka dan Kedawang. Mereka telah menggunakan leksikal [daʷn laʔso], [daʷn ʃanhum] di samping [daʷn ʃənəyom] untuk merujuk kepada ‘daun kesum’. Hal ini turut disokong dalam kajian Norli Safina (2014) yang menyatakan kehadiran vokal belakang separuh rendah /ɔ/ bagi KGN diri merupakan ciri penyebutan yang diwakili oleh dialek Melayu Pattani yang diserap masuk ke dalam varian leksikal penutur di Hulu Perak.

Selain itu, dalam kajian Siti Noraini, Nor Hashimah dan Zaharani (2015) yang bertajuk ‘Migrasi Masyarakat Luar dan Pengaruh Dialek di Perak: Analisis Geolinguistik’ turut menyatakan bahawa faktor persempadanan menjadi salah satu faktor penyebaran sesuatu varian. Berikut merupakan peta persempadanan yang menunjukkan kawasan Langkawi bersempadan dengan selatan Thailand :



Peta 5 : Sempadan Thailand (<http://www.mplbp.gov.my>)

MIGRASI


Kehadiran varian [daʷn kayapɔlə], [daʷn kəpɔlə], [daʷn pɔlə-pɔlə] [daʷn ʃənəyom], [daʷn ʃanhum] dan [daʷn laʔso], begitu jelas di kawasan mukim Kedawang, Ayer Hangat, Ulu Melaka dan Pulau Tuba. Keempat-empat kawasan jelas terdapatnya migrasi dari Selatan Thailand dan mereka telah menetap di kawasan kajian. Fenomena ini berlaku kerana terdapatnya peluang pekerjaan yang banyak di kawasan tersebut. Seperti sedia maklum, kawasan Langkawi merupakan kawasan pelancongan dan telah menawarkan peluang pekerjaan yang banyak. Oleh itu, dapatlah dikatakan bahawa kemasukan migrasi ini adalah disebabkan oleh faktor pekerjaan dan juga sejarah.

Situasi ini juga telah dibahaskan oleh Jabil dan Ku Hussaini (2012) yang menyatakan kedudukan Pulau Langkawi yang dikelilingi oleh gugusan pulau kecil dan sumber semula jadi seperti pantai, laut, gunung-ganang dan warisan sejarah tersendiri yang menjadi aset penting sebagai lokasi penganjuran sukan bertaraf antarabangsa sekaligus menjadi pemangkin kepada pembangunan sektor pelancongan. Hal ini telah menambahkan peluang pekerjaan dan sumber pendapatan kepada penduduk pulau ini. Oleh itu, tidak hairanlah kini masih terdapat lagi penghijrahan masyarakat Siam ke pulau ini untuk merebut peluang pekerjaan yang ada. Secara tidak langsung, kajian ini dapat membuktikan bahawa kawasan mukim Kedawang, Ayer Hangat, Ulu Melaka dan Pulau

Tuba merupakan kawasan yang terdapatnya penutur yang menuturkan dialek Melayu Siam iaitu dialek Melayu Pattani dan dialek Melayu Satun.

RUMUSAN

Analisis GIS telah dapat memberikan gambaran jelas tentang varian leksikal dialek yang digunakan di kawasan Pulau Langkawi. Kajian ini dapat memberi penjelasan yang lebih utuh berbanding kajian terdahulu mengenai persebaran dialek Melayu Siam di Kedah dan Langkawi. Kajian dialek geografi terdahulu hanya setakat memberikan gambaran umum tentang sebaran fonologi dan leksikal sesuatu dialek. Maklumat bentuk muka bumi tidak dapat dimanfaatkan lantaran tiadanya maklumat peta digital sebagaimana GIS. Justeru, kajian ini dapat melengkapkan lagi penjelasan mengenai taburan dialek di satu-satu kawasan dengan lebih tepat lagi.



Peta 6 : Isoglos taburan dialek Melayu di Langkawi

Peta 6 di atas telah memaparkan isoglos penyebaran dialek Melayu di Langkawi. Jelasnya ada tiga jenis dialek Melayu di Langkawi, iaitu dialek Melayu Langkawi, dialek Melayu Satun dan dialek Melayu Patani. Dialek Melayu Langkawi meliputi mukim Padang MatSirat, Bohor dan Kuah. Manakala dialek Melayu Satun dikesan di mukim Ayer Hangat dan Ulu Melaka. Akhir sekali dialek Melayu Patani tersebar di mukim Kedawang. Penemuan dialek Patani boleh dikatakan penemuan baharu kerana selama ini, pengkaji seperti Asmah (1993), Kamaruddin (1999) dan Ruslan (2011) hanya menyebut tentang kehadiran dialek Melayu Satun di Langkawi dan tidak memasukkan dialek Melayu Patani di Langkawi. Kehadiran dialek Melayu Patani ada kaitannya dengan kemajuan Langkawi sebagai pulau bebas cukai dan pusat pelancongan. Sehubungan

dengan itu industri makanan menjadi penting dan tumbuh dengan pesatnya. Ini termasuklah industri makanan Thailand yang secara tidak langsung mengundang mereka berhijrah ke Langkawi dan pada masa yang sama menyemarakkan dialek Patani di Kedawang.

Jika kita perhatikan peta 6 di atas, pertempatan masyarakat Melayu Siam berada di kawasan tengah Langkawi. Ini disebabkan oleh faktor sempadan yang memudahkan mereka masuk ke Langkawi dan juga kawasan tanah tinggi di Kedawang. Jadi pertempatan mereka jelas di jalur tengah Langkawi, yang bermula dari Kg. Padang Lalang hingga ke Kampung Temoyong. Ini selaras dengan pendapat Kamaruddin (1999), Nor Hashimah (2015) dan Siti Noraini et. al (2015) di mana masyarakat luar akan memilih kawasan kaki bukit seperti di Lenggong bagi Melayu Siam dan banjaran Titiwangsa oleh masyarakat Rawa dan Minang di Perak. Kg. Padang Lalang berhampiran dengan sempadan Satun bagi memudahkan mereka berulang alik ke Thai sementara Ulu Melaka boleh dianggap kawasan pedalaman, kawasan yang dianggap selamat bagi mereka berlandung. Mak jelaslah bahawa isoglos seperti di atas dapat menjelaskan tentang kegunaan ruang yang bijak oleh masyarakat Siam ini. Sementara masyarakat Melayu tetap kekal di tempat asal, iaitu di Padang MatSirat, Bohor dan Kuah.

KESIMPULAN

Kajian dialek menjadi semakin menarik apabila pengkaji dapat mengaitkan penyebarannya bukan sahaja dari segi bunyi dan leksikal tetapi juga faktor bukan linguistik seperti migrasi, sejarah dan muka bumi. Kajian dialek dengan pengaplikasian GIS telah menjadikan kajian dialek bersifat multidisiplin iaitu kajian yang menggabungkan linguistik dengan geografi yang jelas telah dapat memberikan pentafsiran penyebaran pola dialek dengan tepat. Apa yang penting kemurnian kajian dialek masih dipertahankan meskipun telah berlaku penggabungan bidang iaitu di antara linguistik dan geografi atau mudahnya geolinguistik. Buktinya, kajian ini masih mengekalkan kajian lapangan, temu bual responden, menerapkan kaedah NORM (*non-mobile, rural and male*) dan menekankan tentang penyebaran varian leksikal (Nor Hashimah 2017).

Kajian ini juga seiring dengan perkembangan teknologi yang menjadi satu kemestian pada kemajuan ilmu. Malah dengan pendekatan multidisiplin ini telah berjaya mengangkat kajian linguistik setaraf dengan kajian perubatan, perubahan iklim, pemakanan dan kejuruteraan yang rata-ratanya memanfaatkan ilmu GIS dalam membantu menyerlahkan kewibawan ilmu masing-masing.

Penghargaan:

Artikel ini adalah hasil kajian daripada penyelidikan ‘Pelestarian Tamadun Melayu di Langkawi dan Satun, Thailand – TD-2015-004

*penulis koresponden

RUJUKAN

- Abdullah Hassan. 2006. *Morfologi*. Batu Caves: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Asmah Haji Omar. 1985. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ajid Che Kob. 1985 . *Dialek Geografi Pasir Mas*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Archaimbault, C. 1957. *A Preliminary Investigation of the Sam Sam of Kedah and Perlis*. Journal Malayan Branch Royal Asiatic Society XXX (1): 75-92.
- Collins, J.T. 1983. *Dialek Ulu Terengganu*. Bangi: Penerbit Universiti Kbangsaan Malaysia.
- Collins, J.T. 1996. *Khazanah dialek Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Harishon Radzi, Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Nor Hashimah & Zaharani Ahmad. 2012. *Analisis Bahasa Komunikasi Bangsa Minoriti Negrito Menerusi Pengimbuhan Dan Peminjaman Kata*. *GEMA OnlineTM Journal of Language Studies* 885 Volume 12(3).
- Ismail Dahaman. 1997. *Glosari Dialek Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jabil dan Ku Hussaini. 2012. *Penganjuran Sukan Antarabangsa Sebagai Tarikan Pelancongan di Pulau Langkawi*. Sintuk: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Kamal Kamaruddin, Khaire Ariffin & Ishak Saat. 2011. *Bunga Mas dan Hubungan Negeri-negeri Melayu Utara (NNMU) dengan Siam Tahun 1826-1909*. Batu Pahat: Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Kamaruddin Esayah. 1999. *Perbandingan Fonologi Dialek Melayu Satun dengan Dialek Melayu Perlis*. Tesis Sarjana. Penang: Universiti Sains Malaysia.
- Mokhtar Jaafar. 2012. *Keberkesanan GIS Sebagai Alat Bantu Mengajar Konsep Asas Geografi Kepada Pelajar Bukan Geografi*. *Geografia OnlineTM Malaysia Journal of Society and Space* 8 (3): 82-92.
- Jabil dan Ku Hussaini. 2012. *Map of Kedah & Langkawi Island Tourist Map.Penganjuran Sukan Antarabangsa Sebagai Tarikan Pelancongan di Pulau Langkawi*. Sintuk: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Majlis Daerah Langkawi. 2000. *Draf Rancangan Struktur Langkawi, 1990-2005*. Langkawi: Majlis Daerah Langkawi.
- Mohd Tarmizi Hasrah, Shahidi A.H & Rahim Aman. 2013. *Inovasi dan Retensi dalam Dialek Hulu Tembeling*. *GEMA Online[®] Journal of Language Studies*. 13 (3): 211-222.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 2006. *Budaya Penyelidikan dan Penerbitan Bertamadun: Satu Sinergi*. *GEMA Online[®] Journal of Language Studies*. 6 (2): 49-64.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Zaharani Ahmad, Harishon Radzi, Mustaffa Omar & Mokhtar Jaafar. 2013. *Lexical variation and distribution in Perak Malay: A GIS Approach*. Dlm *Seminar on Southeast Asian Linguistics (SEALS)*, 29-31 Mei 2013: Universiti Chulalongkorn, Bangkok.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 2015. *Penyebaran Dialek Patani di Perak: Analisis Geolinguistik*. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* Jilid 8 (2): 310-330.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Zaharani Ahmad, Harishon Radzi, Norlisafina Sanit. 2016. *Varian Kata Ganti Nama Dialek di Pesisir Perak: Analisis Geographical Information System (GIS)*. *GEMA Online[®] Journal of Language Studies* Volume 16(1): 109-123.

- Norlah Mohamed & Omar Yusoff. 2010. Tinjauan Identiti dan Bahasa Hibrid dalam Kalangan Sam-Sam, Baba Nyonya dan Jawi Peranakan di Utara Semenanjung Malaysia. *Sari-International Journal of the Malay World and Civilisation* 28 (2): 35-61.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 2017. Pengaruh Melayu Siam di Tanah Melayu: Analisis GIS. Kertas Ucap Utama, *Seminar Bahasa Linguistik dan Kearifan Lokal PLM-USU*. Universiti Sumatera Utara, Medan. 27 Ogos 2017.
- Norzalita & Ahmad Azmi. 2004. Imej dan Strategi Peletakan Pulau Langkawi. *Jurnal Pengurusan*: 24: 97-117.
- Norlisafina Sanit. 2014. Varian Leksikal Kata Ganti Nama Dialek di Pesisir Sungai Perak: Aplikasi Geographical Information System (GIS). *Tesis Sarjana*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Onishi, T. 2010. Analyzing dialectological distributions of Japanese. *Dialectologia, Special issue*, I: 123-135.
- Rohani Mohd Yusof. 2003. Kuala Kangsar sebagai Zon Transisi Dialek. *Jurnal Bahasa*. 3(4):588-606.
- Ruslan Uthai. 2011. *Keistimewaan Dialek Melayu Patani*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Noraini Hamzah, Nor Hashimah Jalaluddin & Zaharani Ahmad. 2015. Migrasi Masyarakat Luar dan Pengaruh Dialek di Perak: Analisis Geolinguistik, *Jurnal Bahasa* 17(1): 1-34.
- Teeraroanarat, S dan Tigsabadh, K. 2011. A GIS-Based Approach For Dialect Boundary Studies. *Jurnal Dialectologia of Universitat de Barcelona* 6 : 55-75
- Worawit Baru. 1999. Dasar Kerajaan dan Kesannya Terhadap Bahasa Melayu di Negara Thai. *Tesis Sarjana Falsafah. Akademi Pengajian Melayu: Universiti Malaya*.

RUJUKAN INTERNET

- Abdullah Hj. Mohd. Salleh. 2008. *Sastera Rakyat Negeri Kedah*. <http://www.sasterarakyat-kedah.com> [capaian pada 28 April 2016]
- Langkawi Geopark - Earth's Historic Heritage - <https://www.youtube.com/watch> [capaian pada 4 Okt 2017]
- Portal Rasmi Kerajaan Negeri Kedah, <http://www.mplbp.gov.my> [capaian pada 01 Mei 2016]
- Portal Rasmi Kerajaan Negeri Kedah, <http://www.mplbp.gov.my/ms/pasar-malam-uptown> [capaian pada 10 Mei 2016/9.39 P.M]
- ‘Siam dan Thai tidak sama : Gunakan istilah yang betul’ – Senator, <https://www.wanista.com> [capaian pada 9 Okt 2017]